

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SAU300 - Pekerjaan dan Kehidupan/  
SAU403 - Sosiologi Pekerjaan

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Calon-calon boleh menjawab dalam Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris. Bagi mereka yang menjawab dalam Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya SATU soalan MESTI dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Jawab LIMA (5) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.  
*[Answer FIVE (5) questions from Section A and TWO (2) questions from Section B.]*

BAHAGIAN A [SECTION A]

Jawab LIMA (5) soalan dari bahagian ini.  
*[Answer FIVE (5) questions from this section.]*

1. Bagaimana organisasi kerja telah berubah di antara masyarakat pra-industri dan masyarakat industri?

*[How has work organisation changed between pre-industrial and industrial societies?]*

(8 markah)

2. Bandingkan konsep 'alienasi' oleh Marx dengan konsep 'anomi' oleh Durkheim.

*Compare Marx's concept of 'alienation' and Durkheim's concept of 'anomie'.*

(8 markah)

...2/-

3. Bagaimana Weber telah menerangkan asal-usul semangat kapitalisme (the spirit of capitalism)?

*[How did Weber explain the origins of the spirit of capitalism?]*

(8 markah)

4. Bagaimana dan kenapa Braverman meluaskan idea-idea Marx tentang tahap-tahap dalam perkembangan kapitalisme?

*[How and why did Braverman extend Marx's ideas about the stages in the development of capitalism?]*

(8 markah)

5. Apakah sifat tentang kontrak secara tersirat (implicit contract) antara para majikan dengan para pekerja?

*[What is the nature of the 'implicit contract' between employers and employees?]*

(8 markah)

6. Apakah pengajaran yang boleh dipelajari tentang kerja daripada kajian-kajian yang dilakukan oleh Mayo dan rakan sekerjanya?

*[What lessons can be learned about work from the studies conducted by Mayo and his colleagues?]*

(8 markah)

7. Apakah jenis-jenis dan sumber-sumber utama tentang kepuasan kerja?

*[What are the main types and sources of job satisfaction?]*

(8 markah)

8. Apakah yang telah dilakukan oleh Henry Ford untuk menangani atau mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan pembahagian kerja dan keadaan-keadaan kerja yang mengasingkan (alienating) dan seterusnya sejauhmanakah berjaya langkah-langkah ini?

*[What did Henry Ford do to overcome the problems associated with the division of labour and alienating work conditions, and how successful were these measures?]*

(8 markah)

9. Apakah sebahagian daripada kesukaran dalam mengaplikasikan tiga orientasi utama kepada kerja?

*[What are some of the difficulties in applying the three main orientations to work?]*

(8 markah)

10. Bandingkan pandangan-pandangan yang optimistik dan pesimistik tentang kerja masa hadapan?

*[Compare the optimistic and pessimistic views of the future of work?]*

(8 markah)

**BAHAGIAN B [SECTION B]**

Jawab DUA (2) soalan dari bahagian ini.

*[Answer TWO (2) questions from this section.]*

11. Bincangkan idea-idea Braverman mengenai “deskilling” sejagat. Apakah batasan idea-idea tersebut?

*[Discuss Braverman’s ideas on universal deskilling. What are the limitations of these ideas?]*

(30 markah)

12. Bandingkan bentuk pengeluaran Fordist dan Post-Fordist, dengan memberi perhatian kepada kelainan teknologi dan organisasi kerja yang digunakan serta barangan yang dikeluarkan. Bagaimanakah Post-Fordism cuba mengatasi masalah pengeluaran secara besar-besaran (mass production)?

*[Compare Fordist and Post-Fordist forms of manufacturing, paying attention to the technology used, the products produced, and the organisation of work. In what ways does Post-Fordism attempt to overcome the problems associated with mass production?]*

(30 markah)

...4/-

13. Berbanding dengan hujah-hujah Marx dan Braverman bahawa semua pekerjaan di bawah kapitalisme menyebabkan alienasi, tetapi penyelidikan mengenai orientasi ke atas kerja dan kepuasan bekerja memberi gambaran yang lebih rumit. Bincangkan.

*[Compared with the arguments of Marx and Braverman, that all work under capitalism is alienating, research on the orientations to work and job satisfaction of workers presents a much more complex picture. Discuss.]*

(30 markah)

14. Apakah sifat pembahagian buruh yang bersifat jantina? Mengapa ia terus wujud? Bagaimana ia boleh dikurangkan?

*[What is the nature of the gendered division of labour? Why does it continue to exist? How could it be reduced?]*

(30 markah)

15. Seperti penggunaan mesin yang telah memberi kesan yang mendalam kepada manusia dan pekerjaan dalam abad ke-18 dan ke-19, inovasi teknologikal dalam tahun-tahun kebelakangan ini juga akan mewujudkan pergolakan besar dalam hubungan masyarakat tradisional dan rol-rol dalam masyarakat. Bincangkan.

*[Just as mechanisation had a profound impact on both people and employment in the 18th and 19th centuries, so the technological innovations in recent years will create massive upheavals in traditional relationships and roles in society. Discuss.]*

(30 markah)

- oo o0o oo -